



## KERATAN AKHBAR

AKHBAR	:	BERITA HARIAN			
TARIKH	:	24/7/2019	MUKA SURAT	:	63
JABATAN	:	PERHILITAN			
KLASIFIKASI	:	<b>PERHATIAN</b>			

# APM selamatkan tapir sesat dalam kawasan perumahan

**Seremban:** Penduduk di Lavender Heights di Senawang, di sini gempar dengan kehadiran seekor tapir yang berkeliaran di kawasan perumahan itu, semalam.

Pegawai Pertahanan Awam Daerah (PPAD) Seremban, Kapten Md Fadir Md Nor, berkata kehadiran tapir itu mula disedari penduduk setempat kira-kira jam 12 tengah hari semalam, sebelum membuat panggilan kecemasan untuk menangkap haiwan terbabit.

Katanya, lapan anggota Angkatan Pertahanan Awam (APM) ke lokasi itu sebaik menerima panggilan kecemasan pada jam 12.32 tengah hari.

"Usaha menangkap tapir itu turut dibantu beberapa penduduk.

"Kita berjaya mengurung haiwan berkenaan di pekarangan sebuah rumah penduduk sebelum pihak kami menghubungi Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN)," katanya ketika dihubungi *BH* di sini.

Mengulas lanjut, kata-



**Anggota APM** cuba menangkap tapir tersesat dalam kawasan perumahan Taman Lavender Height, Seremban, semalam.

[Foto Ihsan APM]

nya, tapir itu dipercayai datang dari kawasan hutan terletak berhampiran dengan kawasan perumahan itu.

"Pihak PERHILITAN dengan bantuan APM kemudian berjaya mema-

sukkan tapir itu ke dalam sangkar untuk dipindahkan ke lokasi selamat," katanya.

Katanya, tiada kecederaan dilaporkan ketika usaha menangkap tapir itu dijalankan.